

Cinta si penggemar besi cantik

Sanggup berhabis ribuan ringgit kumpul koleksi pin unik dari seluruh negara

Ita hanyalah besi namun, kerana keunikannya berjaya menarik ribuan peminat dari seluruh negara termasuk di Malaysia.

Setiap satu pin comel ini juga sebenarnya melambangkan seni dan budaya di sesebuah lokasi dan kerana minat juga, ada yang sanggup menghabiskan ribuan ringgit semata-mata untuk mengumpulnya sebagai hobi.

Seorang daripadanya termasuk Raffique Hashim, 31, yang mengumpul pin unik terbit sejak 20 tahun yang lalu.

Lelaki ini menganggap pin yang dikeluarkan Hard Rock dari seluruh dunia ini mempunyai kecantikan tersendiri dan kini dia mempunyai lebih daripada 800 pin dari seluruh negara.

"Kerananya juga ada masanya saya bertemu dengan pengumpul pin dari luar negara, berbanding dengan hanya membeli, bertukar pin juga amat menyeronokkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pin jadi cenderamata

Bagi Zizan Ali, 30, dari Kuala Lumpur, dia mula jatuh hati dengan pin ini setelah mengunjungi Pulau Pinang.

"Biasalah bila kita pergi melancong, sudah pasti kita mahu belikan cenderamata buat rakan-rakan dan keluarga namun, saya sudah jemu untuk beli baju dan sebagainya kerana ia cepat rosak.

"Setelah mengunjungi Hard Rock Cafe di Pulau Pinang, saya terjumpa beberapa pin comel yang begitu menarik hati sehingga akhirnya saya be-



Pengumpul pin bergambar kenangan ketika PinFest di Hard Rock Cafe Pulau Pinang.



“ Ini adalah festival pin yang pertama diadakan di Hard Rock Cafe Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk membolehkan kesemua pengumpul ini bertukar pin secara suka sama suka.”
- Muhammad Danish



Zizan menunjukkan pin pertama yang dibelinya.

nar-nar-jatuh cinta dengan pin-pin ini," katanya.

Zizan mula mengumpul pin berkenaan sejak tiga tahun lalu secara serius dan kini mempunyai lebih daripada 200 pin terdiri daripada pelbagai lokasi seluruh negara.

"Hobi ini tambah menyeronokkan apabila kita berpeluang bertukar pin dengan pengumpul pin dari seluruh negara.

"Berbeza dengan hobi lain, mungkin jarang kali ada pengumpul seperti kami," katanya.

Gemar keunikan seni rekaan

Baru menginjakkan diri, Azli Abdullah, 47, dari Perak pula jatuh cinta dengan hobi ini kerana rekaannya yang berseni.

"Ada orang kumpul semem dan juga syiling kerana lokasi negara-negaranya tetapi untuk pengetahuan

orang ramai, pin yang kami kumpul juga tertera nama negara," katanya.

Bagi Ajis Sulaiman, 55, dia pernah membeli satu set pin naga bernilai lebih daripada RM1,000.

Dia yang juga kakitangan Hard Rock Hotel Pulau Pinang mula mengumpul pin terbit sejak empat tahun lalu.

PinFest medan berkongsi

Bagi membolehkan pengumpul pin ini bertemu, sebuah program yang dikenali dengan nama Pin Festival (PinFest) dianjurkan.

Pengurus acara 1st PinFest Penang, Muhammad Danish Zulficar berkata, antara peserta yang datang adalah dari Melaka, Kuala Lumpur, Perak dan Pahang.

"Ini adalah festival pin yang pertama diadakan di

Hard Rock Cafe Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk membolehkan kesemua pengumpul ini bertukar pin secara suka sama suka.

"Pada waktu inilah kita boleh lihat ribuan pin yang datangnya dari lokasi seluruh negara," katanya.

Acara yang dihadiri kira-kira 30 peminat pin terbit turut mengumpul dana buat Pusat Perubahan Wanita (WCC) bagi disalurkan untuk wanita dan kanak-kanak yang didera.



Ajis menunjukkan koleksi pin paling mahal dalam koleksi dimilikinya.



Raffique memakai koleksi pin yang dikumpulkannya.



Pengumpul pin bertemu dan bertukar barangan milik mereka secara suka sama suka ketika acara PinFest.



Raffique mengumpul pin sejak 20 tahun lalu.